

07 SEP 1997

Umno-Moro

PERWAKILAN UMNO HULUR DERMA BANTU BANGSA MORO

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perwakilan Perhimpunan Agung Umno hari ini menyumbang kepada Yayasan Sarang Bangun, sebuah yayasan khusus untuk membantu anak-anak yatim dan balu bekas pejuang Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di Mindanao, Filipina Selatan.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, melancarkan kutipan derma itu semasa perbincangan usul ekonomi berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Sulaiman adalah orang pertama menghulurkan derma diikuti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno, Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, Naib-naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi.

Pungutan derma itu dilancarkan berikutan rayuan yang dikemukakan wakil yayasan itu di Malaysia, Ali Mamat, yang juga seorang pengarang berita di Bernama kepada Dr Mahathir dua hari lepas.

Pengumuman mengejut mengenai pemungutan derma itu menyebabkan ramai perwakilan yang tidak bersedia dan terpaksa meminjam wang daripada rakan-rakan di sebelah termasuk Anwar.

Anwar dilihat berbisik kepada Dr Mahathir bagi tujuan itu. Presiden parti kemudian menghulurkan sejumlah wang kepada Anwar dan kedengaran secara berseloroh berkata: "Dia hutang".

Beliau sambil tersenyum kemudian bertanya kepada timbalannya itu: "Bila mahu bayar balik?".

Serentak itu, beberapa peti derma kelihatan diedarkan kepada perwakilan.

Dr Mahathir akan menyerahkan pungutan sumbangan itu kepada Ali apabila persidangan disambung semula pada sebelah petang.

Sulaiman berkata jumlah derma yang dipungut akan diumumkan pada majlis penyerahan itu.

Yayasan Sarang Bangun yang berpusat di Bandaraya Zamboanga, Mindanao diasaskan oleh seorang pekerja sosial Bangsa Moro, Haji Edward Iblah Lim, selepas menyedari bahawa konflik bersenjata antara MNLF dengan tentera kerajaan Filipina selama lebih 28 tahun telah menyebabkan penderitaan yang tidak terhingga kepada umat Islam Moro.

Menurut Ali apabila konflik itu tamat berikutan tercapainya perjanjian damai antara MNLF dan kerajaan Filipina pada September tahun lepas, terdapat sekurang-kurangnya 10,000 isteri bekas pejuang MNLF menjadi balu dan 50,000 lagi kanak-kanak menjadi yatim.

Yayasan itu antara lain mengambil inisiatif mendirikan sekolah untuk anak-anak yatim berkenaan dan mengadakan bengkel latihan vokesyenal untuk para balu agar mereka dapat berdikari.

Beliau berkata hasil sumbangan Umno itu antara lain akan digunakan untuk mengubahsuai sekolah yayasan dan membeli sebidang tanah bagi membina bangunan tambahan sekolah itu di Bandaraya Zamboanga. -- BERNAMA

RAZ NAK